

D893

R B736 DEB  
MAHATHIR - ARKITEK  
(I)

KUALA LUMPUR, 7 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU PARA ARKITEK MEWUJUDKAN CIRI-CIRI BARU BAGI BANDARAYA DI NEGARA INI DENGAN MENGUTAMAKAN KETUNGGALAN DAN KECANTIKAN SENIBINA MALAYSIA.

+ KITA HENDAKLAH MEMELIHARA DAN MEMPERTAHANKAN BANGUNAN LAMA BAGI MENINGGATI SENIBINA YANG BERCIRIKAN LAMA TETAPI INI TIDAK MENGHALANG USAHA KE ARAH MEWUJUDKAN CIRI-CIRI BARU BAGI BANDARAYA KITA, + KATA PERDANA MENTERI.

KATANYA, MEMANDANGKAN SENIBINA MALAYSIA MERUPAKAN LAIN DARIPADA YANG LAIN, KETUNGGALANNYA MERUPAKAN CIRI-CIRI SENIBINANYA SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DI MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN ANJURAN PERTUBUHAN ARKITEK MALAYSIA (PAM) DI SINI MALAM INI DAN DI MAJLIS ITU, PERDANA MENTERI MENERIMA PENGANUGERAHAN ANGGOTA KEHORMAT PAM.

BELIAU BERKATA KAKI LIMA RUMAH-RUMAH KEDAI LAMA YANG MENJADI TEMPAT BERTEDUH DARIPADA HUJAN DAN PANAS BERKEMUNGKINAN DIGANTIKAN DENGAN TEMPAT JALAN KAKI BERBUMBUNG ATAUPUN JALAN YANG MEMPUNYAI POKOK DI KIRI DAN KANAN.

-- LAGI

2313MST 07 08 85

MAHATHIR - ARKITEK 2 KUALA LUMPUR  
(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN MENGAMBIL BERAT TENTANG KEADAAN SEKITAR DAN JUGA PENJAGAANNYA KERANA MAHU SETIAP TUANPUNYA TANAH MENDAPAT KEKAYAAN HASIL DARIPADA PEMBINAAN BANGUNAN-BANGUNAN TINGGI.

KERAJAAN SEJAK KEBELAKANGAN INI, KATANYA, TELAH MENKKAJI KESAN TERHADAP PEMBANGUNAN PESAT BANDAR-BANDAR DI NEGARA INI APABILA BANYAK BANGUNAN DIBINA UNTUK MENGURANGKAN KEPANASAN DAN MENGURANGKAN KOS PENYEJUKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA CARA MUDAH MENGATASI MASALAH INI IALAH DENGAN MENGHARAMKAN PENGGUNAAN CERMIN KACA YANG MEMBALIKKAN CAHAYA DI BAHAGIAN LUAR BANGUNAN.

BELIAU BERKATA BAHAWA CARA LAIN BAGI MENGATASI MASALAH INI IALAH DENGAN MENANAM POKOK-POKOK SEPerti YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG SEBAGAI LANGKAH JANGKA PENDEK. -- LAGI  
2317MST 07 08 85

MAHATHIR - ARKITEK 3 KUALA LUMPUR  
(I)

BELIAU BERKATA BAHAWA KERAJAAN SEDANG Mencari AGENSI BERKENAAN BAGI MENJALANKAN PENYELIDIKAN TENTANG CARA-CARA MENGATASI MASALAH CUACA PANAS DI BANDARAYA.

DALAM PADA ITU, BELIAU MENYERU PARA ARKITEK MEMBERI PENEKANAN KEPADA USAHA MENANAM POKOK-POKOK DAN MENCANTIKKAN BANDARAYA SEPerti YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI AMARAN TENTANG LEBIHAN BEKALAN AKIBAT PEMBINAAN TERLALU BANYAK BANGUNAN YANG MENYEBABKAN KONTRAKTOR BERKENAAN SUKAR MEMBAYAR BALIK PINJAMAN.

KERAJAAN TIDAK MAHU SESIAPA PUN RUGI KERANA INI MENJEJASKAN EKONOMI DAN PENDAPATAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA BAHAWA MEMANDANGKAN KEPADA SEBAB INILAH, KERAJAAN CUBA MENGHADKAN PINJAMAN BAGI PEMBINAAN BANGUNAN DAN ARKITEK

TAN  
INI